

# Perluas potensi fintech dalam kewangan Islam

**Dilaporkan** sektor kewangan Islam Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan dua digit sehingga mencecah hampir RM3 trilion pada tahun ini di bawah Pelan Induk Pasaran Modal Kedua.

Antara langkah dilaksanakan bagi menentukan hala tuju kewangan Islam terus stabil dan berdaya saing pada peringkat global mencakupi pengukuhan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan syariah secara komprehensif.

Angka terkini menunjukkan perbankan Islam menyumbang 33 peratus jumlah aset perbankan Malaysia, manakala bahagian pasaran takaful 11 peratus untuk takaful keluarga dan 10.1 peratus untuk takaful am.

Trend permintaan kewangan Islam meningkat didorong minat berterusan komuniti Islam dan kewangan beretika seperti kewujudan kluster kewangan hijau dan mampan terutama dalam pasaran baharu kewangan Islam.

Di samping itu, usaha konsisten untuk memperkasakan sektor kewangan Islam turut mencakupi penerokaan instrumen kewangan sosial, memperkenalkan peluang pelaburan dan memperhebatkan sokongan kewangan Islam dalam pertumbuhan industri halal serta pengenalan konsep pengantaraan berasaskan nilai.

Menurut Pengerusi Bursa Malaysia Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar, sektor kewangan Islam melalui industri dana Islam negara mempamerkan pertumbuhan memberangsangkan yang setakat Mac ini, dana syariah bernilai RM170 bilion mewakili 23 peratus daripada jumlah industri aset di bawah pengurusan (AUM).

Sementara nilai aset bersih unit (NAV) dana amanah syariah berjumlah RM99 bilion mewakili kira-kira 23 peratus daripada keseluruhan industri NAV.

Ini berikutan promosi berterusan industri pengurusan aset membantu menyumbang kepada kesedaran lebih besar mengenai pelaburan syariah kepada sekumpulan pelabur lebih luas.

Ini memberikan peluang lebih jauh untuk inovasi dan pengembangan produk bagi menyediakan rangkaian produk berasaskan syariah lebih meluas untuk industri ini.

Beliau berkata, Malaysia diakui semula sebagai negara paling ke hadapan dalam kewangan Islam dan menjadi peneraju mempromosikan sektor bertanggungjawab secara sosial berdasarkan nilai bersama dengan kewangan Islam.

Amat membanggakan apabila Malaysia berjaya mengekalkan status negara pasaran ketiga terbesar bagi produk kewangan Islam global dan penerbit sukuk terbesar di dunia yang pada 2019, menduduki tempat pertama dari segi dana Islam AUM dengan 34

peratus penguasaan global.

Bursa Malaysia juga berjaya mengukuhkan kedudukan sebagai pemimpin global untuk penyenaraian dan pelaburan syariah.

Bursa Malaysia-i, platform pelaburan patuh Syariah misalnya yang lengkap *end-to-end* menawarkan pelbagai kemudahan termasuk perkhidmatan penyenaraian, perdagangan, penjelasan, penyelesaian dan penyimpanan yang Bursa Malaysia-i disokong 16 broker Islam.

Setakat Mei lalu, 732 daripada 932 syarikat tersenarai di bursa atau 79 peratus adalah patuh syariah dengan permodalan pasaran syariah merangkumi 70 peratus jumlah permodalan pasaran sebanyak RM1.6 trilion.

Nilai purata perdagangan harian sekuriti patuh syariah menguasai 70 peratus keseluruhan jumlah purata harian (ADV) sebanyak RM2.8 bilion dengan indeks syariah secara konsisten mengatasi rakan konvensional sejak 10 tahun lalu.

Indeks Syariah Hijrah FTSE Bursa Malaysia yang terdiri 30 syarikat patuh syariah terbesar di Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia, secara konsisten mengungguli FTSE Bursa Malaysia KLIC, berkembang sekitar 32 peratus antara 2010 dan Mei 2020.

Fakta ini menunjukkan pelaburan patuh syariah ialah sumber nilai menarik bagi pelabur kerana tindakan konsisten menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam supaya dapat menjana impak positif kepada rakyat.

Pembangunan kapasiti modal insan dalam industri berdaya saing hendaklah diperkukuhkan lagi untuk menyokong landskap ekonomi dan kewangan Islam menerusi institusi pendidikan Islam dan pusat pengajian tinggi di negara ini.

Seterusnya, langkah memudah cara dan menyebar luas urus niaga kewangan rentas sempadan melalui perkongsian kepakaran dan prasarana kewangan Islam dengan pelbagai negara termasuk United Kingdom (UK), Hong Kong, Turki, Indonesia dan Jepun menerusi hubungan dua hala lebih erat.

Bagi memperkukuhkan ekosistem kewangan Islam di negara ini, usaha berterusan mempromosi dan menggalakkan pembangunan kewangan Islam serta bertanggungjawab menyelaraskan peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan untuk meningkatkan industri kewangan Islam di negara ini perlulah ditingkatkan terutamanya.

Ini terutama pasaran sukuk dan mengukuhkan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam kewangan Islam.

Bagi mengelak pertumbuhan dalam industri kewangan Islam tradisional mengalami penurunan atau kemungkinan mencapai ketepuan pasaran, kerajaan perlu mempertingkatkan teknologi kewangan *fintech* terutama di kawasan bandar dan diperluaskan ke luar bandar dan perlu disediakan di bawah keperluan patuh syariah.

Relatifnya, penggunaan *fintech* dalam sistem konvensional berkembang pada kadar lebih cepat dan keadaan ini masih perlahan dalam sektor kewangan Islam. Oleh itu, perkembangan kewangan Islam di negara ini, perlu bersedia dengan prasarana akomodatif bagi mewujudkan bank Islam digital seperti di Eropah dan negara serantau lain yang lebih ke hadapan dalam teknologi ini.

**Penulis adalah** peguambela dan peguamcara



Dr Mohamad Sofee Razak

**Kerajaan perlu mempertingkatkan teknologi kewangan (fintech) terutama di kawasan bandar dan diperluaskan ke luar bandar dan perlu disediakan di bawah keperluan patuh syariah.**

